

BAB 2

**“PEMBERONTAKAN
‘ABD ALLĀH B. ‘ALĪ : CATATAN
TENTANG FAKTOR
DAN PERKEMBANGANNYA”**

BAB II

“PEMBERONTAKAN ‘ABD ALLĀH B. ‘ALĪ: CATATAN TENTANG FAKTOR DAN PERKEMBANGANNYA”

2.1 Latar Belakang Pemberontakan

Tiada siapa yang mempertikaikan keaktifan dan kehebatan Abū Jaʿfar al-Manṣūr sejak sebelum dilantik menerajui kepimpinan negara. Sesiapa sahaja yang menilai secara jujur perwatakan dan ketokohan beliau pasti akan dapat meramalkan masa depannya yang cemerlang dan juga kelayakannya untuk ditakhtakan sebagai Khalīfah. Sewaktu ʿAmr b. ʿUbaid melihat al-Manṣūr sedang tawaf di *Bayt Allāh*, beliau terus berkata, “jika Allāh hendak memberikan kebaikan kepada umat Muḥammad ṣ.ʿa.w. pasti dia akan melantik pemuda dari Banī Hāsyim ini (iaitu Abū Jaʿfar) sebagai pemimpin”.¹

Justeru itu perlantikannya sebagai Khalīfah adalah satu keputusan tepat yang telah diambil oleh Khalīfah Abū al-ʿAbbās ʿAbd Allāh. Namun hal ini amat memeranjatkan bapa saudaranya, ʿAbd Allāh b. ʿAlī yang secara agresif menentang perlantikan al-Manṣūr serta menafikan kebaikannya.²

ʿAbd Allāh b. ʿAlī mengambil tindakan melancarkan pemberontakan di Syam kerana tidak bersetuju dengan perlantikan itu atas alasan beliau lebih berhak

¹ Al-Azdi (1967), op. cit., j. 2, h. 159.

² Ibn. Qutaybah (1972), op. cit., j. 2, h. 209.

dari al-Manşūr. Itulah perselisihan awal yang dipenuhi dengan dendam kesumat yang melanda keluarga pemerintah secara khusus dan *daulah* secara umumnya. Bunga-bunga bangkangan dan perselisihan itu terus mekar mengembang yang akhirnya membawa kepada persengketaan bersenjata dalam keadaan *daulah* 'Abbāsiyyah baru berusia sekitar lima tahun.

'Abd Allāh b. 'Alī mempunyai alasan-alasan yang tersendiri ketika membantah perlantikan Abū Ja'far al-Manşūr sebagai Khalīfah serta mendakwa dirinya lebih berhak. Sebahagian dari alasan dakwaannya barangkali berkaitan dengan jasa dan khidmatnya yang besar kepada *daulah* 'Abbāsiyyah khususnya di peringkat awal pembentukannya.³

Gerakan 'Abd Allāh b. 'Alī ini dilihat sebagai satu tragedi pahit yang menimpa *daulah* 'Abbāsiyyah pada usia muda itu. *Daulah* 'Abbāsiyyah bakal berhadapan dengan masa depan yang tidak menentu ekoran pemberontakan yang dipimpin oleh individu berpengaruh dari kalangan keluarga Khalīfah sendiri. Jika sebelum ini kedua-dua tokoh ini terlibat secara langsung dalam usaha memahkotakan kekuasaan mereka, tetapi kini mereka bertembung sesama sendiri kerana perebutan kuasa.

³ Alasan-alasan beserta bukti-bukti dan saksi-saksi 'Abd Allāh b. 'Alī dalam menyabitkan dakwaannya akan dibincang secara terperinci dalam perbincangan berikutnya dalam bab ini. Penganalisaan dan penilaian terhadap alasan-alasan ini akan dibuat bagi melihat kebenarannya.

Kecurigaan Khalīfah al-Mansūr terhadap kesetiaan bapa saudaranya seperti yang dibisikkan kepada Abū Muslim⁴ sebelum ini mulai terserlah kebenarannya. Sejarahwan menyebut bahawa al-Mansūr ketika menyandang cokmar penabalan dalam keadaan negaranya belum stabil sepenuhnya, tidak membimbangi ancaman negara-negara sekitar. Apa yang lebih dibimbangkan ialah ancaman rakan-rakan seperjuangannya yang terdiri dari tiga individu/kelompok iaitu: I- Abu Muslim al-Khurāsānī yang mempunyai empayar pengaruhnya yang tersendiri kerana beliau adalah *Amīn Āli Muḥammad*,⁵ pendokong gerakan ‘Abbāsiyyah, seorang panglima perang terhebat dan seorang Gabenor Khalīfah di Khurāsān dan Masyriq ; II- Ancaman dari golongan ‘*Alawiyyīn*⁶ di Hijāz, Kūfah dan tempat-tempat lainnya yang sedar tipudaya Banī ‘Abbās menyisihkan mereka ; dan III- Ancaman bapa saudaranya. ‘Abd Allāh b. ‘Alī yang dilantik sebagai Gabenor Syam sedari awal *daulah* ‘Abbāsiyyah terbentuk di zaman Khalīfah Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh.⁷

⁴ Al-Khudārī (1970), op. cit., j. 3, h. 53-54.

⁵ *Amīn Amīr Āli Muḥammad*. “*Amīn*” bererti pemegang amanah Setiausaha dan “*Amīr*” bererti penguasa. Abu Muslim digelar/menggelar dirinya sebagai *Amīn Amīr Āli Muḥammad* setelah bertapak di Khurāsān baik di peringkat pemberontakan ‘Abbāsiyyah atau selepasnya. Lihat al-Ṭabarī (1939), op. cit. j. 2, h. 1999-2000; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 293-295; M.A. Sha‘bān (1983), *Pemberontakan ‘Abbāsiyyah*, Mahayuddin Haji Yahya (terj.), c. 1. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 242.

⁶ ‘*Alawiyyīn*’ ialah keturunan al-Imām ‘Alī b. Abū Ṭālib r.‘a. Beliau mempunyai seramai tiga puluh lima orang anak. Tujuh belas darinya adalah perempuan. Hanya lima orang dari anak lelakinya memainkan peranan penting selepas beliau iaitu al-Ḥasan, al-Ḥusayn, Muḥammad al-Ḥanafīyyah, ‘Umar dan ‘Abbās. Sejarah ‘*Alawiyyīn*’ dipenuhi dengan perjuangan dan pemberontakan yang berpanjangan. Pada zaman kerajaan ‘Abbāsiyyah I, tokoh-tokoh dari keluarga al-Ḥasan sahaja yang memegang kepimpinan dan giat berusaha bagi menjayakan cita-cita politik mereka untuk berkuasa. Sehubungan itu banyak siri pemberontakan dilancarkan, namun gagal mencapai matlamatnya. Keterangan lanjut, lihat, Shākir Mustafā (1973), *Daulah Banī al-‘Abbās*, j. 1, c. 1, al-Kuwayt: Wakālah al-Matbū‘āt, h. 652-654 ; Jurjī Zaydān (1958), op. cit., j. 4, h. 394 – 405; dan *The Encyclopedia of Islām* (1960), j. 1, H.A.R. Gibb *et al.* (ed), Leiden : E.J. Brill, h. 400-403.

⁷ Ibn Hazm (1948), op. cit., h. 17.

Perderhakaan 'Abd Allāh ini nampaknya membenarkan kecurigaan al-Manṣūr terhadapnya. Peluang kewafatan Khalīfah Abū al-'Abbās digunakan sebaik-baiknya untuk memenuhi impiannya bagi menerajui negara.⁸

2.2 Penolakan Bay'ah Terhadap Al-Manṣūr

Pada akhir tahun 136H./754M., Khalīfah Abū al-'Abbās 'Abd Allāh telah menyerahkan tugas kepada 'Abd Allāh b. 'Alī untuk memimpin tentera *Ṣā'ifah* untuk menyerang Rom Byzantine di sempadan negara.⁹ 'Abd Allāh b. 'Alī yang kebetulan baru sahaja tiba dari Harrān telah menyahut kehendak Khalīfah Abū al-'Abbās. Beliau bersama-sama tenteranya dari Khurāsān, Mawṣil, Jazīrah dan Syām terus mara ke perbatasan menuju ke Rom.¹⁰

Sewaktu 'Abd Allāh b. Alī dan tentera-tenteranya sedang berkhemah di *Dalūk*¹¹ atau *Dabūq*¹² sebelum memasuki *Darb*¹³ atau selepas memasukinya, beliau telah dikejutkan dengan berita kewafatan Khalīfah Abū al-'Abbās; berita penabalan Abū Ja'far al-Manṣūr yang sedang mengetuai rombongan haji sebagai pengganti

⁸ Ibn Khallikān (t.t). *Wafiyat al-A'yān wa Ārbā' Abnā' al-Zamān*, j. 4. c. 'Īsā al-Ḥalabī, Mesir, h. 453

⁹ Al-Ya'qūbī (t.t). op. cit., j. 2, h. 362.

¹⁰ Ibid., j. 2, h. 363.

¹¹ *Dalūk*: satu tempat di Ḥalab dalam daerah Syām. Lihat, Ibn. Manẓūr (t.t), op. cit., j. 2, h. 1413; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 95.

¹² *Dabūq*: satu tempat atau sebuah perkampungan di Ḥalab, sebuah daerah di Syām. Asalnya adalah nama sebatang anak sungai. Lihat, Ibn. Manẓūr, op.cit., j. 2, h. 132; Al-Fairūz Abādī, Majd al-Din Muḥammad b. Ya'qūb (1977), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, j. 3, , Mesir: al-Hay'ah al-'Āmmah li al-Kitāb, **Kaḥerah**, h. 223

¹³ *Al-Darb*: pintu masuk utama (besar) atau laluan antara dua bukit untuk memasuki negara Rom. Sekarang adalah kawasan di Selatan Turki. Lihat Ibn. Manẓūr (t.t.), op. cit., j. 2, h. 135 ; Al-Fairūz Abādī (1977), op. cit., j. 1, h. 65; Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munūr*, op. cit., j. 1, h. 87 ; al-Yasū'ī, (1988), op. cit., h. 216.

Khalīfah; serta kerja-kerja mengambil *bay'ah* yang sedang giat dilakukan oleh 'Īsā b. Mūsā, Putera Mahkota ke II.¹⁴

'Abd Allāh yang langsung tidak dapat menerima berita penabalan Abū Ja'far al-Manṣūr sebagai Khalīfah lantas berpatah balik bersama-sama tenteranya ke Harrān. Di sana mereka bertemu dengan Ghassān b. Yazīd b. Ziyād,¹⁵ wakil 'Īsā b. Mūsā yang ditugaskan untuk mengambil *bay'ah* dari 'Abd Allāh kepada Khalīfah baru, Abū Ja'far al-Manṣūr.¹⁶ Bagaimanapun beliau enggan memberikan *bay'ah*nya seperti yang diminta oleh Yazīd.¹⁷

Al-Ya'qūbī mencatatkan pandangan sebahagian ahli sejarah yang berpendapat bahawa 'Īsā b. Mūsā yang menjalankan tugas mendapatkan *bay'ah* dari rakyat enggan memberitahu senario politik yang berlaku secara mendadak itu kepada 'Abd Allāh b. 'Alī. Sebaliknya beliau memilih untuk memberitahu Ṣāliḥ b. 'Alī (saudara 'Abd Allāh b. 'Alī) yang dilantik sebagai Gabenor Mesir melalui surat yang diutuskan kepadanya. Beliau meminta Ṣāliḥ memberikan *bay'ah*nya kepada al-Manṣūr dan seterusnya pergi ke Syam untuk mendapatkan *bay'ah* saudaranya, 'Abd Allāh b. 'Alī.¹⁸

Samada beliau diminta memberi *bay'ah* kepada al-Manṣūr melalui Ghassān (utusan 'Īsā) atau melalui Ṣāliḥ (saudaranya), namun apa yang jelas melalui

¹⁴ Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 362-363.

¹⁵ Ghassān b. Yazīd b. Ziyād adalah bekas pengawal (*Hajib*) Khalīfah Abū al-'Abbās. Lihat, *Ibid.*, j. 2, h. 365; Ibn Ḥazm (1948), op. cit., h. 17.

¹⁶ Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 365; Ibn Ḥazm (1948), op. cit., h. 17.

¹⁷ Al-Ya'qūbī (t.t.), loc. cit.

¹⁸ *Ibid.*

peristiwa ini ialah ketersentakan dan kekecewaan yang amat sangat dari 'Abd Allāh b. 'Alī, lantaran impiannya untuk berkuasa hancur musnah. Inilah punca penyebab kepada berlakunya episod-episod seterusnya yang bermula dari keenggannya memberikan *bay'ah* dan seterusnya memimpin satu gerakan bersenjata untuk mencabar Khalīfah al-Manşūr. Khalīfah al-Manşūr sememangnya sedar akan kecenderungan bapa saudaranya ini.¹⁹

2.3 Pencalonan Diri Sebagai Khalīfah

Berasaskan faktor beliau lebih berhak dari Abū Ja'far al-Manşūr, (ketika menolak perintah memberi *bay'ah* kepada Abū Ja'far) 'Abd Allāh b. 'Alī mengorak langkah untuk melaksanakan strategi politiknya serta mengisytiharkan pendiriannya. Pada peringkat awal beliau memanggil panglima-panglima perang bersama pasukan mereka. Kemungkinan ini adalah cubaan untuk mempengaruhi tentera adalah suatu yang sukar disangkal kerana beliau faham akan kepentingannya. Justeru dilaungkan "*al-ṣalāh jāmi'ah*"²⁰ yang menandakan satu perhimpunan tergepar akan diadakan.

¹⁹ Hasan Khalīfah (1931), *al-Daulah al-'Abbāsiyyah*, Mesir: al-Maṭba'ah al-Hadīthah, Kaherah, h. 40.

²⁰ *Al-Ṣalāh Jāmi'ah* : bermaksud marilah mendirikan solat secara berjama'ah. Ia juga satu ucapan yang bertujuan menghimpunkan orang ramai di satu tempat.

Mendengar sahaja laungan “*al-ṣalātu jāmi’ah*”, para panglima perang termasuk Ḥamīd b. Quḥṭabah al-Ṭā’ī²¹ bersama tentera-tentera mereka berpusing datang untuk mendengar apa-apa arahan dari Gabenor merangkap Penguasa Tertinggi Angkatan Tentera di Syām dan sekitarnya. ‘Abd Allāh b. ‘Alī terus membaca surat arahan dari ‘Īsā b. Mūsā yang intisarinya meminta beliau dan seluruh rakyat memberi *bay’ah* kepada Khalifah Abū Ja’far al-Manṣūr.

Beliau seterusnya menyatakan keengganannya memberikan *bay’ah* kepada Abū Ja’far al-Manṣūr dengan mengemukakan beberapa alasan dan bukti. Penjelasannya ini nampaknya disokong oleh khalayak yang hadir samada secara sukarela atau terpaksa. Melihat akan sokongan padu ini, ‘Abd Allāh b. ‘Alī terus mengisytiharkan dirinya sebagai Khalifah serta memerintahkan orang ramai membay’ahkannya.²²

‘Abd Allāh dilihat mengeksploitasi sepenuhnya akan kedudukannya sebagai Gabenor merangkap Panglima Tertinggi Angkatan Tentera di Syām, Jazīrah, Mawṣil dan Khurāsān²³ bagi mempengaruhi dan memenangi hati kumpulan terpenting itu. Antara yang menjadi saksi serta mengiyakan dakwaannya ialah semua panglima angkatan tentera wilayah Syam dan sekitarnya seperti Abū Ghānim

²¹ Ḥamīd b. Quḥṭabah saudara kepada Ḥasan b. Quḥṭabah. Kedua-dua mereka adalah antara panglima perang terkenal kerajaan ‘Abbāsiyyah selain dari Abu Muslim. Ḥamīd b. Quḥṭabahlah yang bertanggungjawab memenggal kepala Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* dan menghantarnya kepada ‘Īsā b. Mūsā, Putera Mahkota. Lihat, Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 89.

²² Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 323; Al-Ya’qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 345; Al-Dhahabī, *Duwal al-Islām*, op. cit., j. 1, h. 93; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 169.

²³ *Ibid.*, j. 5, h. 187.

al-Ṭā'ī, Khifāf al-Mururwazī, Abū al-Iṣba', Ḥamīd b. Quḥtabah al-Ṭā'ī, Ḥiyāsh b. Ḥabīb, al-Makhāriq b. al-'Aqqāb al-Ṭā'ī, Nizār Khaddā dan lain-lain lagi.²⁴

Perintah memberi *bay'ah* kepada beliau kemudiannya diperpanjangkan kepada seluruh penduduk Syām. Majoriti penduduk Syām dikatakan memberikan *bay'ah* kepadanya sebagai Khalīfah samada secara rela atau paksa. Peristiwa memberi *bay'ah* kepada 'Abd Allāh b. 'Alī ini berlaku di satu tempat bernama Til Muḥammad atau Dalūk di daerah Ḥalab.²⁵

Di samping menabalkan dirinya sebagai Khalīfah, beliau juga melantik saudaranya, 'Abd al-Ṣamad, sebagai Putera Mahkota dan Gabenor Jazīrah.²⁶ Setelah selesai mendapatkan *bay'ah* tentera-tentera dan penduduk Syām, 'Abd Allāh b. 'Alī mara ke Harrān. Di Harrān beliau menyerang dan kemudiannya berjaya menyingkirkan Gabenornya yang enggan memberi *bay'ah* kepadanya.²⁷

2.4 Alasan Tuntutan Hak

Ternyata bahawa 'Abd Allāh b. 'Alī menggunakan alasan "lebih berhak layak" untuk menjustifikasikan pencalonannya sebagai Khalīfah. Bagi mengukuhkan dakwaan "lebih berhak/layak" dan sekaligus memenangi hati

²⁴ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 123 ; Ibn Ṭabāṭibā (1966), op. cit., h. 133 ; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188 dan Al-Azdī, (1967), op. cit., j. 2, h. 163.

²⁵ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit. j. 2, h. 95.

²⁶ Al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 164.

²⁷ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), loc. cit.

penduduk Syām, maka beliau mula mengemukakan bukti-bukti yang menyokong dakwaannya.

Bukti yang dikemukakan adalah menjurus kepada janji Khalīfah Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh kepadanya untuk dilantik sebagai Putera Mahkota sewaktu beliau menyanggupi pelawaan Khalīfah untuk menghapuskan Marwān II pada tahun 132H./750M. Dalam ucapannya di hadapan penduduk Syām, ‘Abd Allāh berkata:²⁸

“Sewaktu Khālifah Abū al-‘Abbās hendak menggerakkan tenteranya pada tahun 132H. 750M., untuk memerangi Marwān II, beliau telah memanggil kaum keluarga terdekatnya, khususnya saya. Beliau seterusnya mempelawa kami mengetuai serangan terhadap Marwān II dengan katanya, “sesiapa yang sanggup berhadapan dengan Marwān dan berjaya menewaskannya, maka ia akan dilantik sebagai Putera Mahkota dan urusan negara akan diserahkan kepadanya selepas kematianku”.

²⁸ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 123; Al-Ya‘qūbī (t.t.), j. 2, h. 345; Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 93; Ibn. Al-Athīr (t.t.), j. 5, h. 169; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 95.

'Abd Allāh menyambung lagi dengan katanya, "tiada seorang pun yang menyahut pelawaan Khalīfah itu kecuali saya. Dengan berpegang kepada janji itulah saya keluar dari istana Khalīfah dan berjaya menewaskan Marwān II".²⁹

Sebahagian ahli sejarah meriwayatkan bahawa ketika pelawaan itu dibuat, 'Abd Allāh b. 'Alī terus berkata kepada Khalīfah Abū al-'Abbās, "saya menyanggupinya. Sayalah yang akan mengetuai pasukan tentera untuk menewaskan Marwān II". Justeru Khalīfah mengucapkan terima kasih dan beliau ('Abd Allāh) mendapat pujian ramai.³⁰ Riwayat yang lain pula menjelaskan bahawa pelawaan Khalīfah itu berlaku di siang hari dan dihadapan orang ramai.³¹

Al-Maqdisī meriwayatkan bahawa setelah Abū al-'Abbās dilantik sebagai Khalīfah, beliau memegang sebilah pedang sambil berkata: sesiapa yang berani

²⁹ Peristiwa ini bermula setelah Abū al-'Abbās selesai di *bay'ah* sebagai Khalīfah di Kūfah. Dari Kūfah beliau keluar menuju ke kem Hamām A'yun. Di sana beliau *dibay'ah* pula oleh panglima perang Parsi, Abū Salamah Hafṣ b. Sulaymān al-Khallāl (*Wazīr 'Alī Muḥammad*) dan semua tenteranya. Khalīfah Abū al-'Abbās menaruh kepercayaan penuh kepada kaum keluarganya. Antara mereka ialah 'Abd Allāh b. 'Alī, bapa saudaranya yang dihantar dari kem ini ke Shahar Zūr, Mawṣil dan Zāb untuk membantu Abū 'Awn b. Abū Yazīd berperang dengan Marwān II. Menurut al-Ṭabarī, Khalīfah Abū al-'Abbās berkata: siapakah di kalangan kaum keluargaku yang berani menentang Marwān II? 'Abd Allāh lantas menjawab: saya!! Khalīfah terus berkata: maralah, semoga Allāh memberkatimu. 'Abd Allāh melaksanakan arahan Khalīfah dan mara bersama tentera-tenteranya dari kem Hamām A'yun menuju ke Zāb Mawṣil. Di sana Abū 'Awn menyerahkan kepimpinan tentera kepada 'Abd Allāh sebagai mengiktiraf kedudukannya sebagai bapa saudara Khalīfah dan kekebatannya dalam peperangan. Selang beberapa hari berlakulah pertempuran sengit antara tentera 'Abbāsīyah pimpinan 'Abd Allāh dan tentera Umayyah pimpinan Khalīfah Marwān II di satu tempat iaitu Zāb Mawṣil berhampiran dengan Jazīrah. Peperangan ini berlaku pada hari Sabtu, sebelas Jumādā al-Akhirah, tahun 132 H/750 M dan berakhir dengan kemenangan tentera 'Abbāsīyah. Khalīfah Abū al-'Abbās menerima berita kemenangan ini dengan penuh kegembiraan, dan beliau lantas bersembahyang dua raka'at. Beliau menganugerahi semua tentera yang ikut serta dalam peperangan ini sebanyak lima ratus Dīnār dan menaikkan gaji mereka kepada lapan puluh Dīnār. Di samping itu, beliau juga melantik bapa saudaranya, 'Abd Allāh sebagai Gabenor Syām dan kawasan sekitarnya. Lihat keterangan lanjut dalam, al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 11, h. 88, 90, 123; Al-Azdi (1967), op. cit., j. 2, h. 163; Ibn al-Athīr (t.t.), j. 5, h. 170; Aḥmad Farīd al-Rifā'i (1928), op. cit., j. 1, h. 73; Ḥaṣan Ibrāhīm Ḥaṣan (1983), op. cit., j. 2, h. 19.

³⁰ Al-'Imrānī (1975), op. cit., h. 60.

³¹ Ibrāhīm 'Alī Sya'waf (1966), op. cit., h. 18.

menyandang pedang ini dan mara bagi menghapuskan Marwān, maka kepimpinan selepasku akan diserahkan kepadanya.. semua orang menolaknya kecuali bapa saudaranya, ‘Abd Allāh b. ‘Alī yang lantas mengambil pedang itu dan berjaya menewaskan Marwān.³²

Allāh s.w.t. mentakdirkan bahawa keruntuhan *daulah* Banī Umayyah berlaku melalui tangan ‘Abd Allāh ini. Namun pemimpin tertinggi ‘Abbāsiyyah seolah-olah melupakannya. Justeru jasanya itulah beliau bangun menuntut *Khilāfah* selepas kematian Khalīfah Abū al-‘Abbās dan beliau berjaya mendapat *bay’ah* dari penduduk Syām.³³

2.5 Faktor-faktor Pemberontakan

Kejayaan ‘Abd Allāh b. ‘Alī menabalkan dirinya sebagai Khalīfah di Syām bukanlah berlaku secara bersahaja, apalagi beliau adalah seorang politikus berkaliber yang memahami rahsia-rahsia politik dan peperangan. Namun tersirat di sebalik kejayaan beliau itu -meskipun hanya sementara- beberapa aspek kekuatan lain di samping hujah “*janji Khalīfah kepadanya*” seperti dakwaannya. Rangkuman kekuatan-kekuatan/alasan-alasan inilah yang menjadi faktor utama yang mendorongnya untuk meneruskan pemberontakan ini.

³² Al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 76.

³³ Ibn. Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 34.

Di samping faktor "*janji Khalīfah kepadanya*" kita dapat merumuskan beberapa faktor sokongan lain yang mungkin membayangi tindakan tokoh ini, iaitu:

1- faktor penghormatan dan penghargaan dari Khalīfah Abū al-'Abbās terhadap sumbangan besar beliau sebelum dan selepas pembentukan *daulah* 'Abbāsiyyah. Penghormatan Khalīfah kepada tokoh ini merupakan pengiktirafan beliau terhadap kedudukannya yang tinggi di arena politik, ketenteraan, peperangan dan pentadbiran. Kita juga tidak boleh melupai hubungan kekeluargaannya sebagai bapa saudara kepada Khalīfah.

2- Kewafatan Khalīfah telah membuka ruang kepada 'Abd Allah ini untuk menggandakan lagi usahanya bagi mendapatkan kuasa, lebih-lebih lagi jika dilihat kepada keyakinannya bahawa dialah yang berhak berbanding orang lain. Kita juga dapat rasakan betapa kedudukannya ketika itu sedang berada dimercu kehebatan dan ketokohan dalam berbagai bidang seperti yang disebutkan. Tidak ada sesiapaupun yang setanding dengannya samada dari kalangan keluarga 'Abbās atau bukan selain dari Abū Ja'far al-Manṣūr dan Abū Muslim al-Khurāsānī. Kedua-dua manusia ini boleh dihapuskan bila tiba masanya, apalagi kedua-duanya saling menyimpan dendam terhadap lawannya.

3- Natijah dari keengganannya memberi *bay'ah* kepada al-Manṣūr sejak dari awal sebaik menerima berita kematian Khalīfah serta perlantikan al-Manṣūr sebagai

penggantinya. Skenario politik yang berlaku sebelum dan selepas peristiwa ini³⁴ nampaknya telah dan sedang menyekat kepentingan diri dan masa depan beliau. Justeru itu pemberontakan adalah jalan terbaik menurut pandangannya untuk mengembalikan haknya seperti yang didakwa.

4- Ketiadaan dua musuh ketatnya iaitu Abū Ja'far al-Manṣūr dan Abū Muslim al-Khurāsānī yang ketika itu berada di Hijāz bagi memimpin delegasi haji. Ketiadaan mereka memudahkan kerja-kerja beliau di Syām.

5- Ketamakan dan keghairahannya untuk berkuasa segera selepas kematian Khalīfah Abū al-'Abbās agar kekuasaan tidak terlepas ke tangan orang lain, khususnya al-Manṣūr dan anak cucunya. Beliau sememangnya membimbangi ketokohan Abū Ja'far al-Manṣūr dalam hal ini.³⁵ Kebimbangan yang sama juga ada di hati Abū Ja'far terhadap pengaruh dan ketokohan bapa saudaranya itu.³⁶

6- Kesan penguasaannya ke atas Syām selama lima tahun setelah dilantik menjadi Gabenor. Begitu juga penguasaannya ke atas Ḥarrān di awal pemberontakannya. Kejayaannya menguasai dua tempat ini melalui kedudukannya sebagai Gabenor dan

³⁴ Skenario politik yang berlaku di penghujung tahun 136H./754M. adalah seperti berikut:

1- Abū al-'Abbās melantik Abū Ja'far al-Manṣūr sebagai ketua rombongan haji

2- Beliau juga melantik 'Abd Allāh b. 'Alī memimpin pasukan tentera *Ṣā'ifah*

3- Penabalan Abū Ja'far dan 'Isā b. Mūsā sebagai Putera Mahkota secara berturut-turut. 'Abd Allāh dan al-Manṣūr tiada ketika perlantikan dibuat.

4- Kewafatan Khalīfah dan perlantikan Abū Ja'far sebagai pengganti serta penderhakaan oleh 'Abd Allāh b. 'Alī.

³⁵ Al-Khuḍarī (1970), op. cit., j 3, h. 52; Ḥilmī Muḥammad Aḥmad (1959), *al-Khilāfah wa al-Daulah fi al-'Asr al-'Abbāsī*, Mesir: Al-Risālah, 'Ābidīn, h. 60, 68 dan 69

³⁶ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 122.

secara kekerasan membolehkannya merancang , menyusun dan mengatur strateginya dengan bebas, apalagi kedudukan Harrān yang jauh dari Anbār.

7- Tindakan ‘Abd Allāh yang mengecam al-Mansūr, memperlekehkannya serta mengisytiharkan penolakan yang bulat atas perlantikannya sebagai Khalīfah juga mendorongnya melakukan pemberontakan ini. Lebih-lebih lagi apabila beliau mendapat sokongan majoriti penduduk Syām dan barisan ketenteraan. Dilaporkan bahawa beliau berjaya mempengaruhi *Mawālī Banī Umayyah* dengan sogokan kemewahan dan kekayaan, disamping janjinya kepada mereka untuk memerangi Abū Ja‘far al-Mansūr.³⁷

8- Kepercayaan yang diberikan oleh penduduk Syām kepadanya sebagai Gabenor mereka juga mendorongnya melancarkan gerakan ini. Beliaulah yang membebaskan mereka dari cengkaman kezaliman dan penganiyaan Khalīfah-khalīfah *Umayyīn* setelah berjaya menewaskan Khalīfah Marwān II sebelum ini. Kekayaan harta dan kelengkapan ketenteraan yang banyak hasil peninggalan tentera Marwān II di Syām merupakan kelebihan yang ada di pihak beliau bagi melaksanakan agenda politiknya. Semua faktor ini mampu menjana kekuatan bagi memperolehi kekuasaan.

9- Keyakinan penuh ‘Abd Allāh b. ‘Alī akan cubaan anak-anak saudaranya untuk memonopoli kepimpinan gerakan ‘Abbāsiyyah dan seterusnya kepimpinan negara sejak awal lagi. Setelah itu mereka akan menurunkan kekuasaan ini pada anak cucu

³⁷ Al-Dinawarī (1907), op. cit., j. 2, h. 152.

mereka sahaja. Sememangnya apa yang beliau ramalkan ini telah dan sedang berlaku ketika itu. Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk memastikan kekuasaan dimonopoli oleh keluarga Muḥammad b. Alī b. ‘Abd Allāh b. al-‘Abbās dan anak cucunya.³⁸

Pada tahun 125H./742M., Muḥammad b. ‘Alī sejeurus sebelum kewafatannya telah mewasiatkan bahawa kepimpinan selepasnya akan diambil alih oleh anaknya, Ibrāhīm *al-Imām*. Keadaan yang sama juga berlaku apabila Ibrāhīm *al-Imām* mewasiatkan kepimpinan selepasnya kepada saudaranya, Abū al-‘Abbās sewaktu beliau (Ibrāhīm *al-Imām*) ditangkap pada Muḥarram tahun 132H. Ibrāhīm juga mengarahkan Abū al-‘Abbās agar segera berpindah bersama-sama bapa saudara dan kaum keluarganya yang lain dari Ḥamīmah ke Kūfah.³⁹

‘Abd Allāh b. ‘Alī sememangnya memerhati dengan penuh sedar percaturan politik yang sedang berlaku di hadapannya ini. Perpindahan kepimpinan gerakan ‘Abbāsiyyah dari Muḥammad b. ‘Alī kepada Ibrāhīm *al-Imām*, anaknya ; kemudian dari Ibrāhīm *al-Imām* kepada saudaranya, Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh sudah cukup untuk menyedarkan ‘Abd Allāh akan hasrat *monopoli kuasa* oleh keluarga Muḥammad b. ‘Alī. Mungkin kerana sedar akan permainan politik keluarga ini, maka beliau menggunakan saluran kekerasan bagi merampas apa yang didakwa sebagai haknya. Justeru itu pemberontakan adalah cara yang berkesan pada

³⁸ Muḥammad b. ‘Alī adalah saudara bukan kandung kepada ‘Abd Allāh b. Alī. Beliau (Muḥammad) merupakan anak sulung ‘Alī b. ‘Abd Allāh b. al-‘Abbās. Gerakan ‘Abbāsiyyah dipimpin oleh beliau beberapa lama sebelum menyerahkannya kepada anaknya Ibrāhīm *al-Imām*.

³⁹ Al-Khuḍarī (1970), op. cit., j. 3, h. 46.

pandangannya untuk menyekat monopoli kuasa mereka sekaligus mengembalikan hak yang didakwanya.

Di sudut yang lain kita boleh katakan bahawa cubaan keluarga Muḥammad b. 'Alī untuk mengekalkan kekuasaan di dalam keluarga mereka mungkin disebabkan pengorbanan besar mereka mengasaskan gerakan 'Abbāsiyyah. Keluarga Muḥammad merasakan bahawa merekalah yang paling teruk menerima tekanan, ancaman mahupun pembunuhan dari Banī Umayyah. Pembunuhan Ibrāhīm *al-Imām* adalah bukti pengorbanan keluarga ini. Justeru itu khidmat, jasa dan pengorbanan orang lain seperti 'Abd Allāh b. 'Alī, bapa saudara mereka dianggap berada di kedudukan (*ranking*) kedua.

Mungkin mereka berpendapat bahawa orang seperti 'Abd Allāh b. 'Alī sudah cukup diberi jawatan Gabenor (*Amīr*) sebagai menghargai sumbangannya dan bukannya jawatan tertinggi negara iaitu Khalīfah. Jelas bahawa ini amat bertentangan dengan hasrat, harapan dan cita-cita menggunung 'Abd Allāh untuk ditabalkan sebagai Khalīfah selepas Abū al-'Abbās.

2.6 Kejayaan Gerakan di Syām

Ucapan 'Abd Allāh b. 'Alī di hadapan barisan tentera dan penduduk Syām memperlihatkan beliau menghujahkan kelayakannya untuk dilantik sebagai Khalīfah dengan berpegang kepada janji Khalīfah. Sambil menyoroti peristiwa yang berlaku di istana Khalīfah sebelum beliau dimandatkan mengetuai peperangan

Zāb dalam usaha memburu Marwān II, 'Abd Allāh juga mengemukakan beberapa saksi bagi mengukuhkan hujahnya.

Hujah-hujah beliau diperakui oleh pemimpin-pemimpin barisan tentera dan penduduk Syām.⁴⁰ Maka itu, beliau mencalonkan dirinya sebagai Khalīfah dan saudaranya 'Abd al-Šamad sebagai Putera Mahkota. Pencalonan inipun nampaknya mendapat persetujuan samada secara rela atau terpaksa dari penduduk Syām yang mula memberi *bay'ah* kepada 'Abd Allāh sebagai Khalīfah dan 'Abd al-Šamad sebagai Putera Mahkota. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana perlantikan Khalīfah yang mendapat persetujuan majoriti sudahpun berlangsung di Anbār.

Bagaimanapun 'Abd Allāh telah berjaya mengekspoliti kedudukannya di Syām untuk kepentingan dirinya. Kejayaan menampilkan dirinya sebagai seorang pejuang yang kuat telah membuahkan hasilnya apabila rakyat Syām menyokongnya. Beliau dianggap wira 'Abbāsiyyah yang paling berani.⁴¹ Keberaniannya jelas kelihatan sepanjang pembabitannya dalam gerakan 'Abbāsiyyah dan semasa pemerintahan Khalīfah Abū al-'Abbās. Kejayaan manisnya menewaskan Marwān II dan bala tenteranya yang besar seramai seratus dua puluh ribu orang menjadi bukti terbaik keberaniannya. Benarlah kata-kata al-

⁴⁰ Antara pemimpin utama yang membay'ah 'Abd Allāh ialah Abū Ghānim al-Ṭā'ī, Khifāf al-Murūrwaḥī, Abū al-Iṣba', Ḥamīd b. Quṣṭabah al-Ṭā'ī, Ḥiyāsh b. Ḥabīb, al-Makhārīq b. al-'Aqqāb al-Ṭā'ī, Nizār Khaddā dan lain-lain lagi. Lihat Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 123 ; Ibn Ṭabāṭabā (1966), op. cit., h. 133 ; Ibn al-Athūr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188 ; dan Al-Azdi (1967), op. cit., j. 2, h. 163

⁴¹ Al-Maqqisī (1899), op. cit., j.6, h. 76 dan 77.

Imām ‘Alī b. Abū Ṭālib r.‘a., “bahawa keberanian seseorang tidak diketahui kecuali melalui peperangan”.⁴²

Gerakan beliau boleh dikatakan berjaya di Syām dan sekitarnya. Rakyat Syām mungkin tidak boleh dipersalahkan kerana barangkali mereka terpengaruh dengan hujah dan saksi yang dikemukakan, disamping persepsi dan penghormatan tinggi mereka terhadap ketokohnya. Kemungkinan wujud faktor paksaan dalam penerimaan penduduk Syam terhadap dakwaannya adalah suatu yang tidak mungkin dinafikan. ‘Uthmān b. ‘Affān r.‘a. pernah berkata, “sesungguhnya kekuasaan (pengaruh) boleh menghalang apa yang tidak dapat dihalang oleh al-Qur’ān”. Al-Muhallab b. Abū Ṣufrah pula berkata, “manusia lebih menggeruni pemerintah yang berkuasa dari menggeruni al-Qur’ān”.⁴³ Juga terdapat kata-kata, “sebagaimana pemerintah mengikut gaya (*style / trend*) rakyat mereka, begitu juga rakyat menurut cara hidup raja mereka”.⁴⁴

Namun di sebalik kejayaan gerakan ini di Syām, kita dapat mencium sedikit sebanyak kebijaksanaan dan kepintaran ‘Abd Allāh dalam merancang strategi politiknya. Pengalaman, kemahiran serta ketokohnya yang mendapat sanjungan penduduk Syām khususnya, telah memberikannya peluang dan ruang yang cukup untuk menggugat Kedudukan Abū Ja‘far al-Manṣūr.

⁴² Al-Mubarrad (1365H), op. cit., j. 1, h. 125.

⁴³ Ibid., j. 1, h. 157.

⁴⁴ Abū Muḥammad (1927), ‘Abd Allāh b. ‘Abd al-Ḥakam, *Sīrah ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Azīz*, Mesir: Ṭab‘ah al-Raḥmāniyyah, Kaḥerah, h. 76.

2.7 Penolakan Hujah Dan Dakwaan 'Abd Allāh

"*Janji Khalīfah*" adalah hujah keramat yang menggerakkan pemberontakan 'Abd Allāh bagi menentang perlantikan al-Manṣūr sebagai Khalīfah. Samada 'Abd Allāh benar dalam dakwaan itu atau sebaliknya, maka kita perlulah meneliti catatan ahli sejarah tentangnya, di samping menimbangkan beberapa perkara penting yang berkaitan.

1- *Jumhūr*⁴⁵ ahli sejarah mencatatkan bahawa Abū al-'Abbās ketika hidupnya, di akhir tahun 136H/753M telah melantik dua orang Putera Mahkota yang akan menggantikannya. Perlantikan yang berlaku di Anbār itu menyaksikan Abū Ja'far al-Manṣūr (Putera Mahkota I) dan 'Isā b. Mūsā (Putera Mahkota II) akan menerajui pemerintahan secara berturut-turut. Khalīfah kemudiannya mencatatkan perjanjian itu dan membalutnya dengan sehelai kain serta dicop mohor diatasnya dengan cop Khalīfah dan kaum keluarga 'Abbās yang ada di majlis itu. Perjanjian itu kemudiannya diserahkan kepada 'Isā b. Mūsā sebagai pemegang amanah.⁴⁶ Perlantikan yang berlaku di siang hari, dan secara terang⁴⁷ ini berlangsung di waktu ketiadaan dua tokoh utama yang saling bermusuhan (Abū Ja'far dan bapa saudaranya, 'Abd Allāh b. 'Alī) kerana menjalankan urusan masing-masing.⁴⁸ Kemungkinan berita perlantikan itu sampai ke pengetahuan 'Abd Allāh selepas itu

⁴⁵Lihat umpamanya, al-Dhahabī, *Duwal al-Islām*, j. 1, h. 93 ; Ibn. Syākir, *Fawāt al-Wafīyyāt*, j. 1, h. 296, 297; Ibn al-'Imrānī, *al-Inbā' fi Tārīkh al-Khulafā'*, h. 67; al-Suyūfī, *Tārīkh al-Khulafā'*, h. 259 dan 270. Al-Khuḍārī (1970), op. cit., j. 3, h. 53.

⁴⁶ Memandangkan ketiadaan Putera Mahkota I iaitu Abū Ja'far yang sedang mengetuai delegasi haji ke Hijāz.

⁴⁷ Ibrāhīm 'Alī Sya'waṭ (1966), op. cit., h. 18.

⁴⁸ Al-Khuḍārī (1970), op. cit., j. 3, h. 53.

tidak dinafikan, kerana beliau adalah di antara tokoh utama dalam *daulah* ‘Abbāsiyyah ketika itu (sebagai Gabenor wilayah Syām dan sekitarnya, merangkap Pemerintah Tertinggi angkatan Bersenjata di wilayah-wilayah kekuasaannya). Justeru itu kenapa beliau tidak memperdebatkan isu ini semasa Khalifah masih hidup ?

2- Jika benar dakwaan bahawa Khalifah telah berjanji kepada ‘Abd Allāh, sudah pasti beliau akan menepati janjinya dengan menyerahkan urusan negara selepasnya kepada ‘Abd Allāh di samping al-Manṣūr. Khalifah juga sudah pasti tidak akan melantik ‘Īsā b. Mūsā sebagai Putera Mahkota II kerana jasa dan khidmatnya yang tidak seberapa berbanding ‘Abd Allāh. Sebaliknya Khalifah merasa cukup dengan jawatan *Amīr* Syām yang diserahkan kepada ‘Abd Allāh b. Alī. Justera itulah beliau melantik al-Manṣūr bersama gandingannya ‘Īsā b. Mūsā sebagai Putera Mahkota.

3- Kebanyakan ahli sejarah mencatatkan bahawa perjanjian perlantikan Abū Ja‘far al-Manṣūr dan ‘Īsā dibuat secara rasmi dalam suatu majlis. Justeru itu, jika ‘Abd Allāh mendakwa mempunyai perjanjian yang sama, maka siapakah yang membuat perjanjian itu? Bila dan dimana ia dibuat? Siapa yang menyaksikannya? Siapakah yang menurunkan cop mohornya dan siapa pula yang menyimpan perjanjian itu? Sekurang-kurangnya Khalifah Abū al-‘Abbās akan melantik ‘Abd Allāh sebagai Putera Mahkota selepas al-Manṣūr jika benar perjanjian itu wujud kerana mustahil dalam masa lima tahun Khalifah telah melupainya. Jikapun beliau lupa, pasti ada orang yang mengingatkannya kerana ia adalah perjanjian yang besar.

4- Tindakan Putera Mahkota, 'Īsā b. Mūsā mengambil *bay'ah* dari orang ramai kepada al-Manṣūr di akhir Dhū al-Hijjah tahun 136H./753M. adalah urusan dan tanggung jawab rasmi kerajaan yang dibuat mengikut prosedur.⁴⁹ Begitu juga pemberitahuan perlantikan al-Mansur kepada 'Abd Allāh juga dilakukan mengikut prosedur. Sesetengah ahli Sejarah berpendapat bahawa 'Īsā bertindak demikian atas arahan Khalīfah sewaktu beliau sedang sakit. 'Alī b. Muḥammad al-Madā'īnī menjelaskan situasi ini dengan katanya:

... 'Īsā b. Mūsā telah mengawasi perbendaharaan dan Jabatan-jabatan kerajaan hinggalah Abū Ja'far al-Manṣūr pulang ke residensi Khalīfah di Anbār dari Hijāz. Orang ramai terus membay'ah beliau sebagai Khalīfah dan 'Īsā sebagai Putera Mahkotanya. 'Īsā pula menyerahkan tugas-tugas yang dipangkunya kepada Abū Ja'far al-Manṣūr. Sebelum itu 'Īsā juga telah mengutuskan Abū Ghassān Yazīd b. Ziyād, pengawal Khalīfah Abū al-'Abbās⁵⁰ untuk mendapatkan bay'ah 'Abd Allāh b. 'Alī kepada al-Manṣūr, Khalīfah baru. Tugas-tugas 'Īsā ini dilakukan atas arahan Khalīfah Abū al-'Abbās sebelum beliau wafat...⁵¹

Jika dakwaan 'Abd Allāh benar, Khalīfah pasti tidak teragak-agak mengumumkan perlantikan beliau sebagai penggantinya. Apalagi Khalīfah sedang menghadapi saat-saat akhir dalam hidupnya yang pastinya amat mengharapkan rahmat dan keampunan Allāh s.w.t.

5- Sewaktu peperangan hampir meletus, beberapa orang panglima perang telah membelot dan menyertai tentera pimpinan Abū Muslim al-Khurāsānī. Panglima perang seperti Ḥamīd b. Quṭbah yang dilantik oleh 'Abd Allāh sebagai penguasa

⁴⁹ Kerana al-Manṣūr (Khalīfah) tiada, maka tanggungjawab negara dipikul oleh Putera Mahkota.

⁵⁰ Khalīfah Abū al-'Abbās mempunyai seorang lagi pengawal iaitu 'Abd Allāh b. Bassām atau Ibn. 'Iyāsh. Lihat Ibn. al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 168 dan 174.

⁵¹ Ibid., j. 5, h. 187; Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 123.

Halab⁵² menyertai pasukan Abū Muslim dan tindakannya ini kemudiannya diikuti oleh ramai panglima tentera yang lain. Mereka kemudiannya bersama-sama Abū Muslim menggempur pasukan yang dipimpin oleh ‘Abd Allāh serta berjaya menewaskannya.⁵³ Pembelotan kumpulan ini setelah mereka membay’ahnya sebagai Khalīfah menandakan betapa mereka tidak menyakini kebenaran dakwaan ‘Abd Allāh itu.

6- Abu Muslim dilihat bekerja secara intensif dan agresif ketika melaksanakan perintah Khalīfah al-Manṣūr untuk menyekat kemaraan pemberontakan ‘Abd Allāh. Kesungguhan Abū Muslim menandakan bahawa dakwaan ‘Abd Allāh tidak benar. Jika dakwaannya benar, Abū Muslim pastinya akan mengambil peluang keemasan ini untuk membantu ‘Abd Allāh menentang al-Manṣūr. Ketiga-tiga tokoh ini (‘Abd Allāh, Abū Muslim dan al-Manṣūr) sememangnya saling menyimpan dendam dan membenci sesama mereka. Setiap orang menunggu masa dan peluang sahaja untuk melaksanakan rancangannya terhadap musuh politiknya. Abū Muslim pula mungkin tidak menyedari bahawa Khalīfah al-Manṣūr sedang mempertaruhkan nyawa beliau di tangan bapa saudaranya, ‘Abd Allāh.

7- Beberapa orang penulis Sejarah menggunakan perkataan “*idda’ā*” seperti al-Jahsiyārī dan al-Maqdisī, dan perkataan “*za’ama*” seperti al-Dhahabī⁵⁴ sewaktu melaporkan dakwaan ‘Abd Allāh. Perkataan-perkataan ini membayangkan

⁵² *Halab*: sebuah Bandar di Syām, di sebelah Utara Syria. Lihat Ibn Manẓūr (t.t.), op. cit., j. 2, h. 959; Al-Yasū’ī (1988), op. cit., h. 193.

⁵³ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 124; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 188.

⁵⁴ Al-Jahsiyārī (1981), op. cit., h. 103.; Al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 76; Al-Dhahabī (1974), op. cit., j. 1, h. 93.

ketidaktegasan laporan mereka dalam membenarkan dakwaan 'Abd Allāh. Ia juga bermaksud bahawa 'Abd Allāh b. 'Alī tidak mempunyai bukti yang kukuh dalam dakwaannya.

8- Kemungkinan Khalīfah Abū al-'Abbās mengikat perjanjian mulut secara bersendirian dengan 'Abd Allāh b. 'Alī tanpa disaksikan oleh sesiapaupun. Justeru itu perjanjian ini tidak mengikut prosedur dan tidak bersifat rasmi. *Daulah 'Abbāsiyyah* yang baru dibentuk sekitar dua bulan ketika itu memang memerlukan khidmat tokoh berkaliiber seperti 'Abd Allāh. Apa lagi dalam menghadapi peperangan Zāb pada tahun 132H/750M. yang menjadi penentu hidup mati *daulah* Umawiyah di Timur, sekaligus penentu kejayaan gerakan 'Abbāsiyyah. Khidmat tokoh seperti 'Abd Allāh amatlah berharga pada saat itu.

Namun situasi *daulah 'Abbāsiyyah* pada tahun 136H./753M. telah berubah menjadi lebih baik dan lebih kukuh dari sebelumnya dimana tiada lagi kebimbangan terhadap ancaman Banī Umayyah di Timur. Mungkin kerana faktor ini Khalīfah merasakan bahawa keperluan kepada khidmat tokoh seperti 'Abd Allāh tidaklah terlalu mendesak. Lebih-lebih lagi terdapat tokoh lain seperti Abū Ja'far al-Manṣūr dan Abū Muslim yang boleh mengambil alih tempatnya.

Jika perjanjian ini benar berlaku, kita boleh membuat andaian yang lain kenapa Khalīfah Abū al-'Abbās tidak mengotakannya. Beberapa tindakan liar dan

tidak rasional 'Abd Allāh sewaktu menjadi Gabenor di Syām,⁵⁵ mungkin mempengaruhi pertimbangan Khalīfah Abū al-'Abbās. Lantaran kerana rekod buruk inilah, Khalīfah mengubah pendiriannya dengan melantik Abū Ja'far al-Manşūr sebagai Putera Mahkota dan bukannya 'Abd Allāh. Kebimbangan kepada masa depan negara dan kepimpinan mungkin membuatkan Abū al-'Abbās memikirkan semula janjinya.

Khalīfah Abū al-'Abbās wajar dipersalahkan jika benar beliau membuat perjanjian ini dan kemudian tidak mengotakannya.⁵⁶ Ini kerana peristiwa pemberontakan bapa saudaranya, 'Abd Allāh, telah mengakibatkan keretakan dalam keluarga 'Abbās; membantutkan proses pembentukan *daulah*; mengancam kestabilan negara dan melibatkan kematian ramai jiwa yang tidak berdosa.

9- Khalīfah Abū Ja'far al-Manşūr menggunakan jalan kekerasan dan kekuatan untuk mengekang kemaraan gerakan bapa saudaranya ini. Beliau telah menyiapkan tentera yang besar di samping melantik Abū Muslim sebagai penerajunya. Kesungguhan beliau untuk mengatasi krisis ini dengan menggunakan kekuatan dan bukannya saluran diplomasi menggambarkan bahawa dakwaan 'Abd Allāh palsu semata-mata. Jika dakwaan beliau berasas, sudah tentu

⁵⁵ 'Abd Allāh b. 'Alī dikatakan bertindak liar, tidak rasional dan keterlaluan sewaktu menjalankan operasi pembersihan saki baki pengikut Banī Umayyah di Syām. Ini termasuklah membunuh, menyiksa, merampas harta, membongkar perkuburan Khalīfah Umayyah dan menyebat jenazah dan membakarnya sehingga beliau digelar "al-Saffāh". Semua tindakan yang boleh mencemarkan reputasi keluarga 'Abbās dan masa depan Khilāfah ini dilakukan tanpa keizinan Abu al-'Abbās. Semua ini membenarkan gelaran "al-Saffāh" bermaksud penumpah darah yang diberikan kepadanya Lihat al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 123; Ibn. Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 50.

⁵⁶ Ibrāhīm 'Alī Sya'waṭ (1966), op. cit., h. 18.

al-Manṣūr akan memilih saluran diplomasi untuk menyelesaikannya. Apa lagi kedua mereka adalah tokoh besar dalam *daulah* ‘Abbāsiyyah. Apa yang pasti penyelesaian secara diplomasi tidak berlaku.

10- Tidak semua panglima tentera dan orang perseorangan menjadi saksi membenarkan dakwaan ‘Abd Allāh atau dengan perkataan lain saksi beliau terlalu sedikit. Mereka yang menjadi saksi pula besar kemungkinan terpengaruh dengan faktor-faktor lain seperti dipaksa, hubungan kekeluargaan atau dijanjikan dengan habuan dunia seperti harta dan jawatan. Antara mereka seperti ‘Abd ai-Ṣamad b. ‘Alī, saudara ‘Abd Allāh yang tentunya menyokong beliau atas faktor hubungan kekeluargaan atau kerana jawatan atau kedua-duanya sekali. Justeru itu beliau kemudiannya dilantik sebagai Gabenor Jazīrah.⁵⁷ Begitu juga halnya dengan Manṣūr b. ‘Alī, saudara ‘Abd Allāh yang turut memberikan persaksiannya.

11- Dakwaan ‘Abd Allāh hanya disokong oleh segelintir penulis penulis Sejarah. Melihat secara jujur sokongan segelintir kecil penulis Sejarah terhadap dakwaannya membuatkan kita menjadi sangsi akan kebenarannya. Al-Mas‘ūdī umpamanya meriwayatkan dari Abū al-Khaṭṭāb dari Abu Ja‘dah b. Hubayrah al-Makhzūmī, katanya: satu hari Khalīfah Abū al-‘Abbās berkata kepadaku, “ Aku akan beritahu kamu sesuatu tetapi jangan sampai (berita ini) diketahui oleh sesiapaupun. Kamu tahu bahawa dulu aku pernah berjanji untuk melantik sesiapa yang berjaya membunuh Marwān sebagai Putera Mahkota. ‘Abd Allāh, Bapa

⁵⁷ Al-Azdi (1967), *op. cit.*, j. 2, h. 164.

saudaraku telah berjaya membunuhnya melalui tenteranya. Tetapi jika aku melantiknya, bagaimana dengan saudaraku Abū Ja'far, yang terkenal dengan kelebihannya, ilmu pengetahuannya dan ketaatannya kepada suruhan Allāh. Aku tidak mungkin mengeneplikannya...⁵⁸

Ibn al-Athīr juga dilihat seolah-olah membenarkan dakwaan 'Abd Allāh dalam riwayatnya:

"Apabila Abū Ja'far menerima berita kewafatan Khalīfah Abū al-'Abbās dan perlantikannya sebagai pengganti, maka beliau terus menulis surat kepada Abū Muslim agar datang kepadanya. Setelah Abū Muslim tiba, Abū Ja'far menyerahkan surat yang diterimanya dari 'Isā. Abū Muslim terus membacanya dan kemudian menangis sambil memandang ke arah Abū Ja'far yang kelihatan terlalu sugul dan gementar. Abū Muslim bertanya Abū Ja'far, kenapa gementar pada hal kekuasaan telah berada di tangan kamu? Abū Ja'far menjawab, "Aku terlalu bimbangkan tindak balas bapa saudaraku, 'Abd Allāh yang mungkin merampasnya dariku". Abū Muslim lantas menjawab, "Jangan bimbang tentangnya kerana aku sanggup menghadapinya, InsyāAllāh. Kebanyakan tenteranya terdiri dari penduduk Khurāsān yang sama sekali tidak akan menderhaka kepada aku".⁵⁹

Kecenderungan membenarkan dakwaan 'Abd Allāh juga dapat dilihat dalam tulisan segelintir penulis lain dengan menggunakan ayat berikut:

"kerana Abū al-'Abbās telah melantik 'Abd Allāh b. 'Alī sebagai Putera Mahkotanya ketika beliau dimandatkan untuk mengetuai serangan ke atas Marwān II pada tahun 132H 750M. Khalīfah kemudiannya membuat perjanjian lain dengan melantik Abū Ja'far al-Mansūr dan 'Isā sebagai Putera Mahkota secara berturut-turut

⁵⁸ Abū Ja'dah adalah anak Ja'dah b. Hubayrah al-Makhzūmī dari isterinya yang bernama Fākhīyah Ummu Hānī' binti Abū Ṭālib. Ummu Hānī' adalah ibu saudara kepada 'Abd Allāh b. 'Alī di sebelah bapanya. Abū Ja'dah pula adalah sepupu 'Abd Allāh. Beliau (Abū Ja'dah) adalah salah seorang Menteri dalam kerajaan Banī Umayyah di zaman Marwān b. Muḥammad. Namun beliau menzebelahi Abū al-'Abbās setelah Marwān tewas dalam peperangan Zāb. Lihat al-Mas'ūdi (1364H), op. cit., j. 2, h. 213, 214; Al-Dināwari (1972), op. cit., j. 2, h. 205.

⁵⁹ Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 186, 187 dan 189.

pada tahun 136H./753M. 'Abd Allāh bagaimanapun berpegang kepada janji awal Khalīfah dan menentang perlantikan al-Manṣūr selepas kematian Abū al-'Abbās".⁶⁰

Al-Mas'ūdī dilihat seperti menyokong 'Abd Allāh dan menyalahkan al-Manṣūr kerana tidak memenuhi kehendak bapa saudaranya itu. Laporan beliau mungkin dipertikaikan kerana kecenderungannya menyokong golongan *Syī'ah 'Alāwīyyīn* yang tersingkir dari kekuasaan setelah Banī 'Abbās berjaya membentuk *daulah*. Kerana itu mudah bagi al-Mas'ūdī menampilkan al-Manṣūr dan penyokongnya sebagai orang yang tidak berhak yang gilakan kuasa. Kita juga mungkin mempersoalkan kebenaran riwayat al-Mas'ūdī kerana bagaimana seorang Khalīfah boleh memberitahu satu rahsia besar negara kepada Abū Ja'dah. Abū Ja'dah seperti yang dimaklumi adalah bekas *Wazīr* Khalīfah Marwān b. Muḥammad yang amat memusuhi Banī 'Abbās. Beliau hanya menyokong Abū al-'Abbās setelah Marwān II tewas dalam peperangan *Zāb*. Mungkinkah rahsia sepenting itu diceritakan oleh Khalīfah kepada orang yang memusuhinya semalam, tetapi menukar haluan menyokongnya hari ini? Sekalipun Abū Ja'dah mempunyai pertalian keturunan dengan *'Abbāsiyyīn* di sebelah ibunya, namun hubungan itu agak jauh kerana ibunya adalah dari keluarga *Ṭālibiyyīn* seperti penjelasan al-Mas'ūdī sendiri.⁶¹

⁶⁰ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 95; Jād Ramaḍān (1983), *Dirāsāt fī al-Tārīkh al-Islāmī*, Mesir: Dār al-Ṭibā'ah al-Miṣriyyah, al-Azhar, h. 87; Ibrāhīm 'Alī Sya'waṭ, (1966) op. cit., h. 21.

⁶¹ Al-Mas'ūdī (1346H), op. cit., j. 2, h. 213, 214.

Sementara itu kebimbangan al-Manṣūr seperti yang disuarakannya kepada Abū Muslim bukanlah kerana 'Abd Allāh mempunyai perjanjian terdahulu dengan Khalīfah. Kebimbangan itu lebih menjurus kepada kedudukan 'Abd Allāh sebagai bapa saudaranya, juga jasa-jasa besar beliau kepada gerakan 'Abbāsiyyah dan seterusnya kepada *daulah*. Beliaulah yang menewaskan Marwān II, menguasai semua peninggalan Banī Umayyah di Syām, menguasai kekayaan Syām dan pemimpin barisan tentera di Syām, Jazīrah, Mawṣil dan Khurāsān. Berbekalkan khidmat masa lampau yang cemerlang di samping pengaruh, kekuatan tentera dan harta, tentunya 'Abd Allāh dengan apa cara sekalipun akan memastikan bahawa beliau ditahktakan sebagai Khalīfah. Kecenderungan 'Abd Allāh ini sememangnya telah dapat dihidu oleh al-Manṣūr ketika Khalīfah masih hidup.⁶² Kecenderungan ini semestinya bertambah setelah kewafatan Khalīfah. Itulah yang dibimbangkan oleh al-Manṣūr.

Penulis-penulis lain seperti al-Azdī⁶³ yang dilihat menyokong dakwaan 'Abd Allāh mungkin hanya menuruti jejak langkah al-Mas'ūdī dan al-Ṭabarī tanpa membuat kajian terperinci dalam isu ini. Justeru itu catatan mereka tidak dianggap mengukuhkan dakwaan 'Abd Allāh.

⁶² Hasan Khalīfah (1931), op. cit., h. 40.

⁶³ Al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 163.

2.8 Rumusan

Fakta-fakta yang disebutkan tadi sudah cukup untuk membuktikan bahawa dakwaan 'Abd Allāh adalah palsu dan rekaan semata-mata. Kesungguhan Khalīfah Abū al-'Abbās menurunkan kuasa *khilāfah* kepada keturunannya dan bukan keturunan bapa saudaranya dapat dilihat secara jelas. Tindakan yang beliau ambil dianggap mengikuti tradisi bapanya, Muḥammad b. 'Alī dan juga saudaranya, Ibrāhīm *al-Imām*. Penyerahan surat perjanjian perlantikan al-Manṣūr dan 'Īsā yang disahkan dengan cop mohor keluarga Khalīfah kepada 'Īsā, Putera Mahkota II untuk disimpan membuktikan isi hati Khalīfah Abū al-'Abbās. Tindakan ini memperlihatkan kesungguhan Khalīfah untuk mengekalkan kuasa dalam keluarganya.

Persepsi Khalīfah kepada bapa saudaranya dilihat lebih rendah berbanding persepsinya kepada Abū Ja'far dan 'Īsā. 'Īsā b. Mūsā yang juga anak saudara Khalīfah lebih utama untuk dilantik sebagai Putera Mahkota II berbanding 'Abd Allāh. Khidmat dan jasa 'Abd Allāh yang besar seolah-olah dipandang sepi oleh Khalīfah sewaktu melantik Putera Mahkota. Namun kita tidak sepatutnya melupai bahawa 'Abd Allāh telah diberikan jawatan *Amīr Syām* dan kawasan sekitarnya. Sementara itu penilaian Khalīfah kepada al-Manṣūr adalah melebihi penilaiannya kepada anak saudaranya, 'Īsā. Justeru itulah al-Manṣūr dilantik sebagai Putera Mahkota I, dan kemudiannya 'Īsā sebagai Putera Mahkota II semasa hayat Khalīfah Abū al-'Abbās.

Kata-kata Khalīfah Abū al-'Abbās seperti dakwaan 'Abd Allāh, "bahawa sesiapa yang berani menentang Marwān dan kemudian membunuhnya, maka urusan negara akan diserahkan kepadanya" mungkin bertujuan memberikan dorongan, ransangan dan semangat semata-mata kepada bapa saudaranya itu. Janji itu lebih bersifat untuk mempengaruhi 'Abd Allāh agar menyahut seruan yang sukar itu. Peperangan Zāb merupakan garis pemisah antara keruntuhan sebuah *daulah* dan kebangkitan *daulah* yang lain. Dirikan bahawa jumlah tentera di pihak Marwān II adalah seramai seratus dua puluh ribu orang, sementara tentera yang dipimpin oleh 'Abd Allāh hanyalah sekitar dua puluh ribu orang. Khalīfah tentunya menjanjikan sesuatu yang setimpal untuk menarik perhatian bapa saudaranya bagi menyertai peperangan terpenting itu.

Perlantikan 'Abd Allāh sebagai Gabenor (*Amīr*) Syām dan kawasan sekitarnya barangkali boleh membantu kita memahami isu ini. Mungkin Khalīfah menjanjikan kepada 'Abd Allāh untuk melantiknya sebagai Gabenor (*Amīr*) Syām dan bukannya Putera Mahkota seperti yang didakwanya. Kerana itulah, sebaik sahaja 'Abd Allāh dapat menewaskan Marwān II, Khalīfah terus menyerahkan wilayah-wilayah Syām kepadanya. Besar kemungkinan juga penyerahan wilayah tadi bertujuan menyedarkan 'Abd Allāh bahawa itulah ganjaran atas khidmatnya, disamping mengekang ketamakkannya kepada jawatan lain yang lebih besar.

Kita dapat menyimpulkan bahawa sifat tamak, gila kuasa, ego dan hasad dengki adalah punca utama dalam krisis ini. Tindakan mewariskan kuasa hanya kepada anak cucu adalah manifestasi dari sifat ketamakan ini. Apalagi apabila

kedua-dua Putera Mahkota yang dilantik adalah saudara dan anak saudara sendiri. Begitu juga keadaannya yang ada pada diri 'Abd Allāh. Keegoan diri lantaran khidmat cemerlangnya pada masa lalu berbanding orang lain memarakan api dendam kesumatnya. Dengan didorong oleh sifat tamakkan kuasa, beliau lantas menentang perlantikan al-Manşūr sebagai Khalīfah dan enggan memberikan *bay'ah*nya.⁶⁴ Bukan setakat itu sahaja, bahkan beliau memimpin satu gerakan menuntut hak yang didakwanya, secara kekerasan. 'Abd Allāh juga mencemburui perlantikan anak saudaranya, 'Īsā sebagai putera Mahkota II kerana jasanya yang tidak seberapa berbanding jasa bapa saudaranya itu. Apalagi kedudukannya yang dianggap sebagai bapa kepada kedua-dua anak saudaranya itu.⁶⁵

Tindakan 'Abd Allāh menabalkan dirinya sebagai Khalīfah ketika al-Manşūr telah *diyay'ah* oleh majoriti rakyat kecuali penduduk Syām amat tidak wajar dan bertentangan dengan dasar *Khilafah* itu sendiri. "Khalīfah atas sifatnya sebagai penguasa ketuanan, bukanlah satu jawatan yang boleh dibahagikan. Justeru itu tidak sah wujud dua orang Khalīfah dalam satu masa. Ketuanan hanyalah satu kerana *daulah* adalah satu kesatuan yang saling melengkapi. Khalīfah mempunyai kuasa pemerintahan yang umum dan menyeluruh. Pemerintahannya menjalar ke seluruh pelusuk negara. Dia berkuasa dalam semua bidang samada agama, politik, peperangan dan sivil tanpa dikongsi kekuasaannya dengan orang lain".⁶⁶

⁶⁴ John Bagot Glub (1966), *Imabrā'ūriyyah al-'Arab*, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, h. 452.

⁶⁵ 'Abd al-Salām Rastam (1965), *Abū Ja'far al-Manşūr*, Mesir : Dār a-Ma'ārif, h. 49.

⁶⁶ Hasan Aḥmad Maḥmūd et. al. (1973), op. cit., h. 131, 132 dan 135.

Namun ketamakan mengatasi segala-galanya. Menurut Ibn al-Muqaffa', kedengkian dan ketamakan adalah permulaan kepada segala dosa. Sifat dengki telah membinasakan Iblis. Sementara sifat tamak haloba pula telah menyebabkan Ādam tersingkir dari syurga.⁶⁷ Al-Jāhiz pula menegaskan dengan katanya:

"sifat suka membangkang boleh menanamkan bibit-bibit kebencian dan memarakkan api permusuhan, sifat khianat (pecah amanah) merenggangkan hubungan, takbur (ego) menimbulkan kemarahan, penipuan mengakibatkan penyesalan yang tidak berguna dan tamakkan kuasa pula memecahkan kesatuan ummah kepada beberapa tahap dan peringkat dalam sejarah mereka".⁶⁸

⁶⁷ Al-Dīnawarī (1972), op. cit., j. 2, h. 192.

⁶⁸ Ibn al-Nadīm, Muḥammad b. Isḥāq Abū al-Faraj (t.t.), *al-Fihrist*, Mesir: Maṭba'ah 'Abd al-Raḥmān Mūsā Syarīf, h. 3.